


MyGov UC

E-BULETIN

EDISI 7



Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, kita semua dapat bertemu kembali dalam penerbitan e-Buletin edisi ketujuh ini. Kejayaan untuk terus menerbitkan e-Buletin ini adalah hasil daripada sokongan berterusan daripada semua pengguna yang dihormati. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kandungan e-Buletin ini terus relevan dan bermanfaat kepada semua. Sempena dalam bulan Ramadan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menuai ibadah puasa. Semoga kita dapat menyempurnakan ibadah puasa dengan penuh keikhlasan dan keberkatan.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

Untuk edisi kali ini, telah disediakan beberapa ruangan istimewa yang dapat memberikan informasi serta panduan yang berguna. Antara ruangan yang menarik perhatian ialah *Spotlight*, *CoolStuff* dan *Info Keselamatan*. Setiap ruangan ini telah disusun rapi agar dapat menyajikan maklumat yang sesuai kepada para pengguna MyGovUC dalam menjalankan tugas harian dengan lebih efisien.

Dalam ruangan *CoolStuff*, e-Buletin edisi ketujuh ini menampilkan panduan berguna untuk mengoptimumkan penggunaan Meet bagi sesi latihan, webinar dan mesyuarat dalam talian. Sebagai alat komunikasi penting dalam persekitaran kerja digital, pemahaman yang baik oleh host atau moderator amat diperlukan bagi memastikan sesi berlangsung dengan lancar. Ruangan ini turut mengetengahkan cabaran umum seperti gangguan bunyi daripada peserta, penyertaan individu tidak dikenali, perkongsian skrin yang tidak disengajakan serta isu kawalan audio dan video. Dengan mengaplikasikan langkah-langkah yang disarankan, diharapkan pengguna dapat mengurus sesi Meet dengan lebih teratur dan profesional.

Seterusnya, ruangan *Spotlight* memberi tumpuan kepada inisiatif Klinik Bergerak MyGovUC yang diselaraskan oleh Puan Siti Aishah Binti Mohd Noor dari Jabatan Pendaftaran Negara. Klinik Bergerak MyGovUC merupakan usaha proaktif dalam memperkasakan penggunaan Perkhidmatan MyGovUC dalam kalangan penjawat awam. Inisiatif ini menyediakan bimbingan, sokongan secara langsung, serta penyelesaian isu teknikal bagi memastikan pengguna dapat memanfaatkan MyGovUC sepenuhnya. Semoga perkongsian ini memberi inspirasi kepada lebih ramai pengguna untuk mengoptimumkan penggunaan MyGovUC dalam tugas harian mereka.

Di samping itu, ruangan *Info Keselamatan* membawa maklumat penting mengenai aspek keselamatan digital, khususnya pengurusan kata laluan yang selamat dan e-mel kuarantin. Pengguna disarankan untuk menggunakan kata laluan yang kukuh, unik serta dikemas kini secara berkala bagi mengelakkan kebocoran maklumat. Selain itu, ruangan ini turut menjelaskan peranan e-mel kuarantin dalam melindungi pengguna daripada ancaman seperti *virus*, *phishing* dan *spam*. Dengan memahami ciri-ciri e-mel yang mencurigakan, pengguna dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan keselamatan akaun mereka terjamin.

Semoga segala informasi yang dikongsikan dalam edisi kali ini dapat memberi manfaat dan meningkatkan kesedaran dalam penggunaan Perkhidmatan MyGovUC dengan lebih selamat dan berkesan. Saya berharap agar e-Buletin ini menjadi sumber rujukan yang bermakna buat semua pengguna MyGovUC.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Semoga kita semua memperolehi kebahagiaan, kesihatan dan kesejahteraan serta dapat meraikannya dengan penuh kegembiraan bersama yang tersayang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Mahanum binti Daim
Pengurus Projek MyGovUC
Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Infrastruktur Dan Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara

TAHNIAH!

PEMENANG EKUIZ E-BULETIN MYGOVUC EDISI 6

ISI KANDUNGAN

- 1 Pemenang eKuiz Edisi 6
- 2 Coolstuff
- 3 Spotlight
- 4 Info Keselamatan
- 5 Info Terkini
- 6 Akan Datang



DR.SAIFUL AZLAN BIN OTHMAN

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



LEE KUM SOON

BAHAGIAN SUMBER DAN
TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



MOHD SUHAIMI BIN ISMAIL

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN
KECIL PERUSAHAAN GETAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



NOR HARNA BINTI MOHD RODZI

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



FOUD ABDUL RAHIM MOKTI

BAHAGIAN PENGURUSAN ASET AWAM
KEMENTERIAN KEWANGAN

TAHANIAH!

PEMENANG EKUIZ E-BULETIN MYGOVUC EDISI 6



MUHAMMAD ASLAM YUSUF BIN MUSA
BAHAGIAN CUKAI
KEMENTERIAN KEWANGAN



SITI HAJAR BINTI KHALID
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



MUHAMAD ZAIRUL BIN MANSOR
JABATAN PERDANA MENTERI



MUHAMMAD FATHI BIN KHALID
PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG



GEORGIANA ANAK ASIEP
HOSPITAL TUNKU AZIZAH
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MENGOPTIMUMKAN MEET UNTUK LATIHAN, WEBINAR DAN MESYUARAT

Meet adalah alat komunikasi penting dalam persekitaran kerja digital. Ia membolehkan latihan, webinar atau mesyuarat berlangsung secara maya. Namun, pengguna terutamanya host atau moderator perlu memahami peranan mereka dalam mengawal sesi yang dijalankan.

1



Terdapat bunyi bising daripada peserta yang lupa mematikan mikrofon dan menyebabkan aliran mesyuarat terganggu.

2



Seorang peserta yang tidak dikenali tiba-tiba menyertai latihan dalam talian dan mengganggu sesi anda dengan berkongsi skrin mereka serta menghantar mesej tidak berkaitan di ruangan chat.

3



Anda dimaklumkan oleh rakan sepasukan bahawa anda terkongsi paparan skrin notifikasi e-mel dan perbualan peribadi anda semasa pembentangan hasil tugas kepada pengurusan atasan.

4



Anda memainkan video semasa sesi latihan dalam talian tetapi selepas tamat video tersebut, peserta latihan menyatakan bahawa mereka tidak dapat mendengar audio video tersebut.

Pernahkah anda berada dalam situasi berikut?




MENGAWAL PESERTA YANG LUPA MEMATIKAN MIKROFON



a. Mute Individu



Kenal pasti peserta yang mengeluarkan bunyi akan ditanda dengan simbol di kotak nama peserta.




Gerakkan ikon cursor pada kotak nama peserta. klik pada untuk mematikan mikrofon peserta.




Peserta yang telah dimatikan mikrofon akan memaparkan pada atas sebelah kanan kotak nama mereka.

Nota:
Host atau moderator tidak boleh mengaktifkan semula mikrofon peserta. Peserta perlu melakukannya sendiri apabila diperlukan.

Tips:
Jadikan seseorang yang anda percayai untuk menjadi *moderator* atau *co-host* bagi mengawal peserta semasa anda membuat pembentangan.



3 Nyahaktifkan Turn on their microphone untuk mematikan setiap mikrofon peserta.



b. Mute Semua Peserta

Host controls membolehkan anda mengawal mesyuarat agar bebas daripada gangguan.


1 Klik Untuk mengakses kepada tetapan Host controls.

2 Aktifkan Host management untuk membolehkan tetapan Turn on their microphone.

3 Nyahaktifkan Turn on their microphone untuk mematikan setiap mikrofon peserta.

MENGAWAL PESERTA YANG TIDAK DIUNDANG ATAU MENGGANGGU SESI


a. Mengeluarkan Peserta Daripada Sesi.



Kenal pasti peserta yang mengganggu sesi. Gerakkan ikon cursor pada kotak nama peserta.

Klik dan klik .

Atau




Klik untuk melihat senarai peserta.

Klik untuk melihat tetapan peserta.

Klik untuk mengeluarkan peserta daripada sesi.

b. Memastikan Hanya Peserta yang Dijemput Sahaja Menyertai Sesi.



Tip:
Pastikan sesi anda mempunyai *co-host* supaya mesyuarat tetap berjalan jika host utama mengalami masalah teknikal.

Pastikan tetapan Trusted dipilih untuk membenarkan hanya peserta yang dijemput dapat menyertai sesi anda. Peserta yang tidak dijemput perlu meminta kebenaran Host terlebih dahulu sebelum menyertai sesi.


c. Mengurangkan Gangguan Daripada Peserta

- Nyahaktifkan jika hanya ingin membenarkan individu tertentu berkongsi skrin.
- Nyahaktifkan jika terdapat gangguan di ruangan chat.
- Nyahaktifkan jika terdapat gangguan seperti *spam* reaksi semasa pembentangan.

Host controls juga membolehkan pencipta sesi Meet untuk menghadkan kebolehan peserta untuk berinteraksi ketika sesi berlangsung.

MENGAWAL KANDUNGAN YANG DIKONGSI / BERKONGSI SKRIN

Meet menawarkan 3 kaedah perkongsian skrin iaitu:




Kongsi Tab

Ini adalah pilihan terbaik jika anda ingin berkongsi video yang mempunyai audio.



Kongsi Window

Hanya tetingkap yang dipilih sahaja akan dipaparkan dan notifikasi e-mel serta maklumat lain tidak akan dipaparkan.




Kongsi Entire Screen

Pilihan ini boleh digunakan jika pengguna perlu bertukar antara banyak tetingkap (Window) semasa pembentangan.


Waspada:

Pastikan maklumat sensitif tidak terpapar ketika sesi berlangsung.



MENINGKATKAN PENGALAMAN LATIHAN DAN WEBINAR DENGAN AKTIVITI INTERAKTIF


Fungsi-fungsi di bawah dapat dimanfaatkan bagi memastikan peserta sesi latihan atau webinar dalam talian kekal aktif serta terlibat dalam perbincangan dan memberi maklum balas.



Membahagikan peserta kepada kumpulan kecil untuk perbincangan. Ini dapat meningkatkan penyertaan peserta dengan aktif.

Fungsi ini untuk membuat undian dan mendapatkan maklum balas dengan segera.

Memudahkan peserta untuk mengajukan soalan semasa sesi persidangan berlangsung tanpa gangguan.



PUAN SITI AISHAH BINTI MOHD NOOR

Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Jabatan Pendaftaran Negara

INOVASI KLINIK BERGERAK MYGOVUC

Puan Siti Aishah Binti Mohd Noor, Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Pendaftaran Negara.

Sebagai sebahagian daripada usaha proaktif Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memperkasakan penggunaan perkhidmatan MyGovUC dalam kalangan warga jabatan, beliau bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan inisiatif Klinik Bergerak MyGovUC ini.

Inisiatif Klinik Bergerak ini adalah untuk memberi bimbingan dan sokongan secara langsung kepada pengguna MyGovUC dalam memanfaatkan sepenuhnya pelbagai ciri dan fungsi yang ditawarkan.

“Meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai ciri-ciri baharu dan terkini MyGovUC”

Dalam sesi klinik dan penerangan yang dijalankan, beliau turut menerangkan ciri-ciri kemudahan perkhidmatan MyGovUC, termasuk penggunaan efektif e-mel, Tips & Tricks, Google Meet, Chat/Spaces, Google Drive, dan SPDT.



Untuk memastikan kelancaran dan meningkatkan keyakinan pengguna, beliau memaklumkan bahawa pasukan beliau turut menyediakan bimbingan secara langsung bagi membolehkan pengguna menerima sokongan tanpa perlu menunggu lama dan menggunakan perkhidmatan MyGovUC secara optimum dan efisien.

Pada peringkat awal, beliau menerangkan bahawa perkembangan inisiatif Klinik Bergerak MyGovUC bermula dengan mengadakan latihan penggunaan e-mel dan perkhidmatan di bawah MyGovUC kepada 35 pengguna di ibu pejabat yang diperuntukkan selama 2 hari.



Latihan ini dijalankan sekitar Julai 2024. Namun, bagi memperluaskan pengetahuan dan kefahaman pengguna, inisiatif ini diteruskan selepas latihan tersebut, iaitu dari September hingga Disember 2024 (selepas selesai migrasi MyGovUC) kepada pengguna lain dan akan diteruskan pada tahun ini.

Pada tahun 2024, beliau mensasarkan pengguna baharu, pengguna kurang aktif, dan *person in charge* (PIC) bahagian yang aktif melaksanakan *video call* (VC) untuk bermesyuarat. Sehingga Disember 2024, inisiatif ini telah berjaya dilaksanakan kepada 6 bahagian.

Bagi memastikan kelancaran program dan penyebaran maklumat, beliau menyatakan bahawa pasukan beliau menyediakan poster promosi untuk hebahan dan mengedarkan e-mel untuk cadangan tarikh dan masa kepada bahagian-bahagian terlibat. Ini bagi menetapkan janji temu dan melaksanakan aktiviti mengikut jadual yang telah ditetapkan.

“Besar harapan saya agar klinik ini dapat memberikan manfaat kepada pengguna”

Beliau menaruh harapan yang tinggi agar klinik ini dapat memberikan impak positif kepada pengguna dengan cara:

- a. Platform kami membantu pengguna memudahkan urusan komunikasi rasmi kerajaan.
- b. Memberi kesedaran dan pendedahan mendalam berkaitan penggunaan perkhidmatan MyGovUC.
- c. Menyediakan bantuan dan khidmat nasihat kepada isu umum yang sering dihadapi seperti log masuk, 2-Step Verification dan lain-lain lagi.

Seiring dengan usaha ke arah pendigitalan perkhidmatan awam yang lebih efisien, cabaran utama yang dihadapi oleh pihak beliau adalah untuk memastikan semua pengguna dapat menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi terkini dengan mudah. Pihak beliau akan terus berusaha untuk mencapai matlamat ini.




ISU KESELAMATAN YANG KERAP BERLAKU MENGIKUT MEJA BANTUAN

Tahukah Anda?

Salah satu isu keselamatan yang sering dilaporkan ke meja bantuan adalah kebocoran kata laluan yang boleh menyebabkan akses tidak sah ke sistem dan data sensitif. Pastikan anda sentiasa mengamalkan langkah keselamatan yang betul untuk melindungi maklumat anda.



Berikut merupakan statistik isu kebocoran data bagi suku tahun keempat 2024




- Oktober mencatat jumlah kebocoran tertinggi dengan keseluruhan 68 kes.
- November menunjukkan penurunan ketara dalam kebocoran kata laluan untuk kedua-dua domain.
- Disember mencatat peningkatan semula dalam kebocoran kata laluan, namun jumlahnya masih rendah berbanding Oktober.

Kesimpulan

- Kebocoran kata laluan lebih banyak berlaku dalam domain gov.my (111 kes) berbanding edu.my (32 kes).
- Secara keseluruhan, jumlah kebocoran bagi kedua-dua domain mencatatkan sebanyak 143 kes.
- Langkah keselamatan tambahan perlu diambil bagi mengurangkan kebocoran, terutama dalam domain gov.my yang mencatat angka tertinggi.

ISU KESELAMATAN YANG KERAP BERLAKU MENGIKUT MEJA BANTUAN



Kebocoran Kata Laluan yang berlaku akibat

1

Penggunaan kata laluan yang mudah diteka.



2

Mengakses akaun dengan menggunakan pelbagai peranti.



3

Tidak mengaktifkan pengesahan peranti (device authentication).



Antara langkah proaktif yang diambil oleh pasukan MyGovUC bagi mengurangkan isu kebocoran kata laluan dan ancaman keselamatan ialah dengan kuarantin e-mel yang mencurigakan. Langkah ini bertujuan untuk menyekat akses kepada e-mel berisiko tinggi yang berpotensi mengandungi serangan pancingan data (*phishing*), perisian hasad (*malware*), atau ancaman siber lain, sekali gus meningkatkan keselamatan sistem dan data pengguna.



FUNGSI E-MEL KUARANTIN?

Emel kuarantin merujuk kepada e-mel yang telah ditandakan oleh sistem keselamatan Google sebagai berpotensi berbahaya atau mencurigakan, dan ia ditahan sementara daripada dihantar ke *inbox* penerima. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk melindungi pengguna daripada percubaan *phishing*, *spam*, *malware* dan kandungan berniat jahat yang lain.

KEPENTINGAN E-MEL KUARANTIN



- 1**
Melindungi pengguna daripada ancaman seperti *virus*, *phishing* atau *spam*.



- 2**
Mengurangkan risiko e-mel berbahaya dihantar ke *inbox* pengguna.



- 3**
Mencegah pelanggaran polisi DMARC, SPF & DKIM serta penyalahgunaan domain organisasi.

CIRI-CIRI E-MEL DIKUARANTIN

**1**

Subjek atau Kandungan yang Mencurigakan.



Fail dengan sambungan .exe, .bat, .scr, .vbs (fail boleh laksana yang mungkin mengandungi virus).



Dokumen .docm, .xslm, .pptm (fail Microsoft Office dengan makro berbahaya).



Fail yang dikompres dalam format .zip atau .rar tetapi tidak dijelaskan tujuannya.

2

Lampiran Berbahaya.



Sebenar: support@bankmalaysia.com



Mencurigakan: support@bankmalaysia-secure.com

3

Domain Pengirim Tidak Sah.



Mencurigakan: billing-amazon@gmail.com (bukan dari domain rasmi Amazon)

AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN



**SESI LIBAT URUS
PERKHIDMATAN MYGOVUC**
9 JANUARI 2025
LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)




**SESI LIBAT URUS
PERKHIDMATAN MYGOVUC**
28 FEBRUARI 2025
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(KDN)



**SESI LIBAT URUS
PERKHIDMATAN MYGOVUC**
20 JANUARI 2025
JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC)



**SESI LIBAT URUS
PERKHIDMATAN MYGOVUC**
24 FEBRUARI 2025
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)



**SESI LIBAT URUS
PERKHIDMATAN MYGOVUC**
13 FEBRUARI 2025
LEMBAGA PEMBANGUNAN
LANGKAWI (LADA)



**SESI LIBAT URUS
PERKHIDMATAN MYGOVUC**
17 FEBRUARI 2025
PERBADANAN PUTRAJAYA (PPJ)

AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN



TAKLIMAT ONBOARDING

**TAKLIMAT PENGGUNA BAHRU
PERKHIDMATAN MYGOVUC**
15 JANUARI 2025
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
(MPOB)



TAKLIMAT PENGGUNA MYGOVUC

**TAKLIMAT PENGGUNA MYGOVUC
SESI PERTAMA TAHUN 2025**
26 FEBRUARI 2025
JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU)

TRAIN-THE-TRAINER



**TRAIN-THE-TRAINER SESI 1
BAGI TAHUN 2025**
19 - 20 FEBRUARI 2025
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

AKAN DATANG




LATIHAN PENGGUNA

Latihan Pengguna akan dilaksanakan pada bulan Mac dan April 2025

TAKLIMAT PENGGUNA

Taklimat Pengguna akan dilaksanakan pada bulan April dan Mei 2025

EKUIZ



IMBAS KOD QR UNTUK MENJAWAB EKUIZ

10 responden terpantas dengan jawapan yang betul akan dipilih sebagai pemenang dan akan dihubungi melalui e-mel rasmi pengguna.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Infrastruktur dan Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara (JDN)
Kementerian Digital

MAC 2025